

Mulakan perjalanan SG Yang Lebih Sihat anda hari ini

Rakyat Singapura berusia 40 tahun ke atas lebih berkemungkinan menghadapi penyakit kronik yang memerlukan rawatan perubatan jangka panjang. Dengan SG Yang Lebih Sihat, ia tidak semestinya begini.

LANGKAH 1: DAFTAR

Mendaftar adalah mudah

Daftar terus melalui aplikasi HealthHub dengan beberapa ketikan sahaja. Atau lawati klinik SG Yang Lebih Sihat pilihan anda; anda boleh memilih daripada lebih 1,000 klinik SG Yang Lebih Sihat untuk mencari doktor yang sesuai dengan keperluan anda.

LANGKAH 2: JUMPA DOKTOR ANDA DAN BINA PELAN KESIHATAN DIRI

Tempah konsultasi Pelan Kesihatan bersubsidi penuh anda yang pertama

Bina pelan kesihatan peribadi anda bersama doktor anda: fahami keadaan kesihatan semasa anda dan rancang matlamat kesihatan anda.

- Akses ujian pemeriksaan dan vaksinasi bersubsidi SG Yang Lebih Sihat.
- Dapatkan rujukan bersubsidi ke klinik-klinik pakar pesakit luar awam dengan kad CHAS, Generasi Perintis, dan Generasi Merdeka anda.

Sokongan yang dipertingkatkan bagi mengurus penyakit kronik dengan Peringkat Kronik SG Yang Lebih Sihat

- Dapatkan ubat penyakit kronik tertentu di klinik-klinik doktor swasta SG Yang Lebih Sihat pada harga yang setanding dengan poliklinik.
- Gunakan MediSave anda untuk menampung sepenuhnya kos rawatan bagi penyakit kronik yang disenaraikan di bawah Program Pengurusan Penyakit Kronik, sehingga had menggunakan MediSave yang relevan.

LANGKAH 3: JAGA KESIHATAN ANDA

Beri tumpuan kepada matlamat kesihatan anda



Terokai aktiviti-aktiviti mengeronokkan:

Ambil bahagian dalam pelbagai program, cabaran dan bengkel-bengkel bagi menjaga kesihatan melalui aplikasi Healthy 365.



Kekal fokus:

Dengan merujuk kepada Pelan Kesihatan anda melalui aplikasi HealthHub.

LANGKAH 4: JALANI GAYA HIDUP YANG LEBIH SIHAT

Raikan pencapaian kesihatan anda

Subsidi penuh bagi pemeriksaan kesihatan tahunan:

Jadikan kebiasaan untuk berjumpa dengan doktor keluarga anda setiap tahun untuk menilai perkembangan kesihatan dan memperbaharui matlamat anda. Kekalkan momentum dan terus aktif.

Kekal komited kepada perjalanan SG Yang Lebih Sihat anda – kerana setiap langkah membolehkan anda menikmati mutu hidup yang lebih baik, seiring dengan bertambahnya usia anda.

Daftar di SG Yang Lebih Sihat sekarang.



Sebuah inisiatif



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE